

10/04/1999

BSKL terus tunjuk peningkatan

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) terus menunjukkan peningkatan kukuh dengan Indeks Komposit (IK) menokok 11.52 mata atau 2.1 peratus kepada 568.10 mata, semalam.

Pada akhir dagangan, Indeks Emas yang mengesan seluruh saham di Papan Utama menokok 2.85 mata kepada 139.77, Indeks Papan Kedua meningkat 2.56 mata kepada 128.18 manakala Indeks Perusahaan berada pada 24.72 mata lebih tinggi untuk ditutup pada 1,022.92 mata.

Saham untung mengatasi rugi dengan 537 berbanding 86 sementara 121 kaunter tidak berubah dan 166 tidak diniagakan, sambil menyaksikan dagangan sebanyak 168.850 juta saham bernilai RM427.812 juta.

Minat belian yang bertambah baik itu juga menyaksikan indek penanda aras IK memecahkan paras bertahan 570 mata pada jam 2.46 petang sebelum merosot sedikit menjelang penutup.

Seorang peniaga di firma pembrokeran tempatan berkata pasaran menyaksikan pemulihan sentimen pelabur yang terjejas berikutan pelbagai khabar angin mengenai kesihatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjalani rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).

Bagaimanapun, berikutan kemunculan Perdana Menteri di kaca televisyen dan di dalam akhbar semalam, tanda tanya pasaran mengenai keadaan kesihatan Dr Mahathir kembali reda.

Selain faktor sentimen pelabur tempatan, katanya, kekukuhan bursa serantau berikutan pemotongan cukai di Eropah dan Hong Kong turut membantu meningkatkan minat pelabur di bursa tempatan.

"Pelabur kini mula melihat paras sokongan baru pada 580 mata pada minggu depan," katanya sambil menambah kenaikan besar Indeks Dow Jones sebanyak 112.39 mata (1.11 peratus) kepada rekod baru - 10,197.70 kelmarin, turut menyumbang kesan negatif terhadap bursa tempatan.

Seorang lagi peniaga berkata, kekukuhan IK juga disokong oleh kenaikan saham kewangan yang kebanyakannya adalah saham mewah.

"Kenaikan saham kewangan berkenaan seterusnya melonjakkan IK," katanya sambil menambah saham kewangan terutama Maybank mendapat perhatian kerana ia menurun kadar pinjaman asas (BLR)nya sebanyak dua kali dalam tempoh seminggu.

Semalam, Maybank mengumumkan penurunan BLR daripada 7.80 peratus kepada 7.65 peratus. Kali terakhir bank itu menurunkan BLR adalah pada 5 April lalu iaitu daripada 8.05 peratus kepada 7.80 peratus.

Maybank juga muncul sebagai saham paling cergas semalam untuk ditutup pada RM7.80, menokok 10 sen dengan dagangan berjumlah 19,923 lot.

(END)